

**SOALAN NO. 17****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATIN MASTURA BINTI  
MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan status berkaitan usaha Kerajaan untuk menaik dan  
menyelaraskan pencen pesara-pesara Kerajaan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pencen sektor awam adalah suatu skim pencen yang berasaskan kepada pekerjaan dan bukan berasaskan kepada kebajikan. Namun begitu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan pesara sentiasa terpelihara. Pakej pesaraan yang disediakan adalah mengambilkira faktor kewangan, faktor kebajikan, faktor kesejahteraan dan faktor kos sara hidup.

Justeru dari aspek penyelarasan pencen pesara-pesara Kerajaan, mulai Januari 2013, semua pesara Kerajaan boleh menikmati pemberian kenaikan tahunan pencen sebanyak 2% pada setiap 1 Januari. Mulai Julai 2016 juga, pesara Kerajaan yang telah berkhidmat 25 tahun dan ke atas turut menikmati kadar pencen terendah pada kadar RM950 berbanding RM820 sebelum ini.

Sekian, terima kasih.